

# Kerusi empuk di Parlimen bukan untuk wakil rakyat tidur

BH - 22/4/2004, m/s: 13

Oleh Abu Hasan Adam

PENGENALAN Kod Etika Bagi Ahli Parlimen Kerajaan menampilkan satu lagi tindakan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, untuk terus meyakinkan rakyat bahawa Barisan Nasional (BN) mengotakan apa yang dijanjikan ketika kempen pilihan raya umum dulu.

Langkah itu juga sekali gus melenyapkan persepsi negatif rakyat terhadap segelintir wakil rakyat yang dikatakan tidak menjalankan tugas sebagaimana yang sepatutnya.


Kini rakyat memberikan keyakinan dan mandat begitu besar kepada BN untuk menguruskan pentadbiran negara. Oleh itu, tibalah masanya bagi mereka yang dipilih mewakili rakyat melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

Perkara inilah yang ditekankan Pak Lah dalam ucapannya ketika melancarkan kod etika itu di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) di Bukit Kiara, Isnin lalu.

"Kemenangan dengan mandat besar yang diberikan rakyat kepada BN pada pilihan raya umum lalu sebenarnya adalah satu amanah dan ia mesti dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

"Kita mesti tahu mengurus kejayaan, jika tidak kejayaan yang besar itu tidak akan membawa apa-apa faedah. Malah, ia akan berupa pembaziran nikmat sokongan besar di Parlimen. Kita mesti bersungguh-sungguh supaya khidmat kita itu setimpal sokongan besar yang diberikan rakyat," katanya.

Banyak persoalan yang berlegar di kepala kita ekoran pengenalan kod etika berkenaan. Mengapa Pak Lah begitu menekankan kod etika bagi wakil rakyat kerajaan pada kali ini? Kod etika sebegini tentu sudah lama diperkenalkan kepada wakil rakyat, cuma bezanya ia kini diberi perhatian serius.



**ABDULLAH dan timbalannya, Datuk Seri Najib Razak melihat Kot Etika Ahli Parlimen pada majlis pelancarannya di Intan, Bukit Kiara, baru-baru ini.**

Apakah pada pandangan Pak Lah imej wakil rakyat perlu dipulihkan segera, terutama ketika beliau berada di tampuk pemerintahan negara.

Walaupun ucapannya disampaikan dalam suasana penuh kemeraan dan diselang-seli dengan senyuman mesra, ketegasan tetap terpancar pada setiap kata yang dilafazkan.

Tentu agak pahit juga untuk ditelan segelintir wakil rakyat yang berkemungkinan tergolong dalam kumpulan 'siapa yang makan cili akan terasa pedasnya' apabila beliau menyatakan:

"Kita tidak boleh berpuas hati dengan sesuatu tanpa mencapai tahap cemerlang dalam setiap yang dilakukan. Ahli Parlimen BN perlu menjauhkan diri daripada sebarang bentuk tarikan rasuah.

"Saya juga mahu mereka me-

ngambil bahagian aktif dengan menyumbang idea dalam perbahasan di Parlimen. Kerusi empuk yang telah diperbaharui di Parlimen bukan untuk tidur. Kalau mereka tak mahu hadir lagi mesyuarat Parlimen, tak payah jadi wakil rakyat lagi.

"Kad laporan itu mesti dikemukakan dalam borang komputer yang telah disediakan dan dihantar sekali setiap tiga bulan sehingga pilihan raya umum akan datang. Ia akan dimuatkan ke dalam komputer yang boleh disimpan untuk tujuan rekod kerja dan khidmat mereka berikan," katanya.

Tentu ada alasannya mengapa Perdana Menteri mengambil tindakan yang drastik itu. Jika tidak ada angin masakan pokok bergoyang. Mungkin disebabkan sebilangan kecil wakil rakyat yang tidak menepati tugas dan janjinya kepada rak-

Rakyat mahu melihat kod etika yang betul-betul dapat berfungsi menjadikan seorang Yang Berhormat sebagai wakil rakyat dalam erti kata yang sebenar-benarnya.

yat, menyebabkan jawatan yang mulia ini tercemar. Ibarat kata pepatah 'disebabkan seekor kerbau membawa lumpur, hampir semuanya terpalit'.

Rakyat kini tentu semakin teguh berada di belakang Perdana Menteri, apatah lagi apabila beliau menunjukkan sikap yang amat telus dan memahami apa yang dirasakan oleh rakyat terhadap wakil rakyat mereka. Sudah tentu rakyat dapat menilai Pak Lah benar-benar prihatin terhadap kebajikan seluruh rakyat negara ini.

Mungkin Pak Lah sudah dapat berasakan apa yang dirasakan oleh rakyat terhadap wakil rakyat mereka. Walaupun ramai wakil rakyat memberikan sumbangan yang amat berguna kepada negara, ada juga yang memberikan imej sangat buruk kepada kumpulan itu.

Justeru, disebabkan 'seekor atau dua ekor kerbau' yang membawa lumpur itu sudah mendatangkan persepsi negatif di kalangan rakyat terhadap wakil mereka. Sudah kedengaran suara sumbang yang dihamburkan di warung atau kedai kopi yang ada kaitannya dengan wakil rakyat.

Banyak komen yang tidak sedap didengar keluar daripada mulut orang ramai seperti 'baru saja jadi wakil rakyat, dah pakai kereta besar', 'tak tahulah berapa biji rumah dia ada. Itu tak termasuk kereta', 'Dia anak wakil rakyat, senangnya dapat biasiswa belajar di luar negara' dan pelbagai lagi.

Dakwaan begini mungkin tidak berasas, tetapi sukar juga untuk menafikannya. Hakikatnya, itulah pandangan negatif sebilangan kecil rakyat terhadap wakil rakyat dan yang malangnya pandangan sede-

mikian sudah bertapak lama di hati kebanyakan rakyat Malaysia.

Perkara ini berlaku disebabkan tidak nampak usaha yang bersungguh-sungguh dan berterusan untuk mengatasi dan melenyapkannya seperti apa yang dilakukan Pak Lah sekarang.

Langkah ini sememangnya sudah dilaksanakan oleh pentadbiran sebelum ini. Konsep 'Bersih, Cekap dan Amanah' sudah diperkenalkan jauh sebelum ini dan mendapat sokongan penuh rakyat, tetapi kurang diberi penekanan.

Rakyat menyambut, menyahut serta memberikan sokongan sepenuhnya terhadap hasrat dan impian itu. Ada tindakan yang dijalankan menepati apa yang dihasratkan, namun lama-kelamaan persepsi negatif rakyat terhadap wakilnya bertakhta semula.

Pak Lah memperkenalkan Kod Etika Bagi Ahli Parlimen Kerajaan. Bagaimana pula dengan Ahli Dewan Undangan Negeri? Adalah dirasakan mereka juga tidak terlepas daripada 'kawalan' kod etika ini. Mungkinkah menteri besar dan ketua menteri bersiap sedia untuk memperkenalkan kod etika untuk wakil rakyat peringkat negeri pula?

Tidak siapa yang dapat menafikan kebaikan kod etika ini. Pastinya rakyat akan mengalu-alukan kelahiran kod etika ini. Cuma rakyat mahu melihat ia betul-betul dapat berfungsi menjadikan seorang Yang Berhormat itu sebagai wakil rakyat dalam erti kata yang sebenar-benarnya.

Sekiranya hasrat itu terlaksana, akan lenyaplah persepsi negatif rakyat terhadap wakil rakyat mereka.